

18/04/1997

Mahathir korban tiga lembu

ALOR STAR, Khamis - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyerahkan tiga ekor lembu kepada dua masjid, masing-masing di Titi Gajah, dekat sini dan Changlun, Jitra serta seekor di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kubang Pasu, untuk korban sempena Hari Raya Aidiladha esok.

Di Changlun, Dr Mahathir yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyerahkan lembu kepada imam Masjid Ehya Ullumuddin, Abdul Halim Daud.

Perdana Menteri kemudian ke IPD Kubang Pasu untuk menyerahkan lembu kepada Ketua Polis Daerah, Superintendan Mohd Ismail Hussain.

Dr Mahathir kemudian ke rumahnya di Titi Gajah untuk menyerahkan seekor lembu kepada wakil Masjid Titi Gajah, Harun Mat Lazim.

Dr Mahathir Mohamad dan isteri tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim kira-kira jam 4.45 petang, disambut Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid dan isteri, Datin Seri Nila Inangda Manyam Keumala.

Turut sama ialah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan pemimpin masyarakat.

Perdana Menteri dijangka bersama rakyat menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Zahir, di sini bersama Sultan Kedah dan Sanusi.

Selepas itu, beliau mengadakan rumah terbuka di Dewan Jitra, mulai jam 10 pagi hingga 4 petang.

(END)